



AKIDAH: ASMA'UL HUSNA BAHAGIAN 1

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Mengenali dan Menghafaz 99 nama Allah SWT:** Peserta dapat menyebut dan mengingat kesemua 99 Asma'ul Husna dengan tepat berserta maknanya masing-masing.
- b) **Menghayati kesempurnaan dan keagungan Allah SWT:** Peserta mampu menjelaskan maksud di sebalik setiap nama Allah dan memahami sifat Allah SWT yang terkandung dalam nama-nama tersebut serta mengambil pengajaran daripada Asma'ul Husna dengan menyedari keagungan, kebesaran dan kesempurnaan Allah SWT.
- c) **Mengamalkan nilai-nilai daripada pembelajaran nama-nama Allah:** Peserta mempraktikkan aplikasi nama-nama Allah dalam kehidupan harian dengan meneladani sifat-sifat mulia pada tahap yang sesuai bagi manusia serta memperbanyakkan doa dan zikir menyeru Allah SWT melalui Asma'ul Husna.

SESI PERTAMA

PENGENALAN ASMA'UL HUSNA & NAMA-NAMA ALLAH 1-5

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, satu hingga lima.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Allah (الله) – Nama Yang Paling Agung dan Utama
- Ar-Rahman (الرحمن) – Maha Pemurah
- Ar-Rahim (الرحيم) – Maha Pengasih
- Al-Malik (المالك) – Maha Memiliki Segala Kekuasaan
- Al-Quddus (القدوس) – Maha Suci

SESI PERTAMA: PENGENALAN ASMA'UL HUSNA & NAMA-NAMA ALLAH 1-5

PENDAHULUAN

Asma' Allah al-Husna bermaksud nama-nama Allah yang terindah. Istilah ini merujuk kepada nama-nama Allah Yang Maha Sempurna Lagi Maha Mulia. Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: *“Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling daripada kebenaran dalam masa menggunakan nama-namaNya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan.”*

(Surah al-A'raf 7: 180)

Nama-nama Allah SWT yang baik ini menggambarkan kesempurnaan sifat-sifat-Nya dan menjadi wasilah bagi hamba untuk berdoa serta mendekatkan diri kepada-Nya.

Kata Imam al-Qurtubi, Allah SWT menamakan nama-nama-Nya sebagai al-Husna (yang paling indah) kerana nama-nama itu indah didengari oleh telinga dan menenangkan hati. Nama-nama tersebut menunjukkan keesaan-Nya (tauhid), kemuliaan-Nya, kepemurahan-Nya, rahmat-Nya serta limpah kurnia-Nya.¹

Muqatil pula ada menceritakan bahawa ada seorang lelaki yang berdoa kepada Allah SWT dalam solatnya dan menyebut Allah dan juga menyebut ar-Rahman. Lalu seorang lelaki daripada golongan Musyrikin Mekah berkata, *“Bukankah Muhammad dan para sahabatnya mendakwa bahawa mereka menyembah satu Tuhan sahaja? Mengapa orang ini berdoa kepada dua Tuhan yang berbeza?”*

¹ Tafsir al-Qurtubi, jil. 7, hlm. 326.

Maka turunlah ayat ini yang mana Allah SWT berfirman dengan maksudnya, *“Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoa) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu.”*²

Dalam hadis juga ada disebut, daripada Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda:

إِنَّ لِلَّهِ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا، مِائَةٌ إِلَّا وَاحِدًا، مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ.

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah mempunyai 99 nama, iaitu 100 kurang satu. Sesiapa yang menghitungnya (memahami dan menghayatinya), maka dia akan masuk syurga.”*

(Riwayat al-Bukhari, no. 7392 dan Muslim, no. 2677)

Namun begitu, ia tidaklah bermaksud nama-nama Allah SWT hanya terhad kepada 99 nama sahaja. Kata Imam al-Nawawi, *“Para ulama telah bersepakat bahawa hadis ini tidak bermaksud mengehadkan nama-nama Allah SWT. Ertinya, bukanlah maksud hadis ini bahawa Allah tidak mempunyai nama selain daripada 99 tersebut.*

Sebaliknya, maksud hadis ini ialah sesiapa yang menghitung (memahami dan menghayatinya) 99 nama itu, maka dia akan masuk syurga.

*Jadi, yang dimaksudkan oleh hadis ini ialah pemberitahuan tentang masuknya seseorang ke dalam syurga kerana menghitung nama-nama tersebut, bukan pemberitahuan bahawa nama-nama Allah itu terbatas atau terhad kepada bilangan tersebut.”*³

*Mempelajari nama-nama Allah SWT juga sudah pastilah akan menumbuhkan lagi cinta kepada-Nya. Kata Ibn Qayyim al-Jauziyyah, “Sesiapa yang mengenal Allah melalui nama-nama-Nya, sifat-sifat-Nya dan perbuatan-perbuatan-Nya, pasti dia akan mencintai-Nya tanpa ragu.”*⁴

² *Tafsir al-Tha’labi*, jil. 12, hlm. 607 dan *al-Taysir fi al-Tafsir*, jil. 7, hlm. 83.

³ *Syarh al-Nawawi ‘ala Muslim*, jil. 17, hlm. 5.

⁴ *Madarij al-Salikin*, jil. 3, hlm. 382.

1. Allah (الله) – Nama Yang Paling Agung dan Utama⁵

Nama “Allah” ialah nama yang paling agung dan paling utama dalam Asma’ Allah al-Husna.

Firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا

Maksudnya: “Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu.”

(Surah al-A’raf 7: 180)

Kata al-Khattabi dan ulama selainnya dalam mengulas ayat ini, “Pada ayat ini dalil nama Allah SWT yang paling masyhur ialah ‘Allah’ kerana semua nama yang lain disandarkan kepadanya.”⁶

Begitulah juga diriwayatkan oleh Imam al-Nawawi bahawa inilah nama Allah yang paling atau Maha Agung, dengan kata Abu al-Qasim al-Tabari, “Kepada-Nyalah dinisbahkan setiap nama Allah.”⁷

Sebagai contoh, dikatakan nama-nama seperti al-Rahman dan al-Rahim adalah sebahagian daripada nama-nama Allah, dan bukan pula dikatakan sebaliknya.

Kata Imam al-Ghazali dalam *al-Maqsad al-Asna*:

⁵ Susunan 99 nama Allah ini adalah sebagaimana tulisan Imam al-Ghazali dalam *al-Maqsad al-Asna fi Sharh Ma’ani Asma’ al-Husna*.

⁶ *Syarh al-Nawawi ‘ala Muslim*, jil. 17, hlm. 5.

⁷ *Syarh al-Nawawi ‘ala Muslim*, jil. 17, hlm. 5.

إِعْلَمَنَّ أَنَّ هَذَا الْإِسْمَ أَكْبَرُ أَسْمَاءِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ التَّسْعَةِ وَالتَّسْعِينَ، لِأَنَّهُ دَالٌّ عَلَى الذَّاتِ الْجَامِعَةِ
لِصِفَاتِ الْإِلَهِيَّةِ كُلِّهَا.

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa nama ini merupakan nama Allah Azzawajalla yang paling agung dalam kalangan 99 nama-Nya kerana ia menunjukkan kepada Zat yang menghimpunkan seluruh sifat ketuhanan secara sempurna.”⁸

Apabila seseorang menyebut nama “Allah”, dia sedang merujuk kepada Tuhan yang Maha Hidup, Maha Mengetahui, Maha Berkuasa, Maha Pengasih, Maha Adil dan seluruh sifat kesempurnaan tanpa ada sebarang kekurangan pun.

Nama “Allah” tidak pernah digunakan untuk selain-Nya dan ia adalah nama yang paling khusus serta paling sempurna dalam menunjukkan ketuhanan yang sebenar. Semua ibadah, doa dan pengabdian hanya benar dan sah apabila ditujukan kepada Allah SWT kerana hanya Dia yang benar-benar berhak disembah.

Allah memperkenalkan diri-Nya dengan nama ini di dalam al-Quran:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): ‘(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa.’”

(Surah al-Ikhlâs 112: 1)

Dengan mengenal Allah melalui nama ini, seorang Mukmin seharusnya menyedari bahawa seluruh kehidupan, ibadah dan tujuan hidupnya mesti berpusat kepada Allah semata-mata. Kesedaran ini membentuk pengabdian yang ikhlas, ketundukan yang sempurna dan kebergantungan mutlak kepada Tuhan yang Maha Esa.

⁸ *Al-Maqsad al-Asna fi Sharh Ma’ani Asma’ al-Husna*, hlm. 61.

2. Ar-Rahman (الرحمن) – Maha Pemurah

Ar-Rahman dan ar-Rahim ialah dua nama yang terbit daripada makna rahmat. Rahmat itu sendiri menuntut adanya pihak yang dirahmati dan tidak ada pihak yang dirahmati melainkan dia berada dalam keadaan memerlukan. Begitulah perlunya kita kepada rahmat Allah SWT.

Kata Ibnu Kathir, *“Ar-Rahman dan ar-Rahim ialah dua nama yang terbit daripada makna rahmat dalam bentuk yang bersangatan (mubalaghah). Juga ar-Rahman lebih kuat makna mubalaghahnya berbanding ar-Rahim.”*⁹

Begitu juga Ibnu Kathir menukilkan sebuah tafsiran yang menyebutkan ar-Rahman ialah Yang Maha Pemurah (atau Pengasih) di dunia dan akhirat, manakala ar-Rahim ialah Yang Maha Penyayang di akhirat.¹⁰

Menurut Imam al-Ghazali, ar-Rahman adalah lebih khusus berbanding ar-Rahim sebab itu tiada siapa selain Allah yang dinamakan dengan ar-Rahman. Ar-Rahman lebih hampir kepada nama “Allah” yang berfungsi sebagai nama khas. Oleh sebab itu, Allah menghimpunkan kedua-dua nama ini dalam firman-Nya:

قُلِ ادْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ

Maksudnya: *“Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Serulah nama ‘Allah’ atau nama ‘Ar-Rahman’, yang mana sahaja kamu serukan (daripada kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama yang baik serta mulia.”*

(Surah al-Isra’: 110)¹¹

⁹ *Tafsir Ibn Kathir*, jil. 1, hlm. 186.

¹⁰ *Tafsir Ibn Kathir*, jil. 1, hlm. 186.

¹¹ *Al-Maqasad al-Asna*, hlm. 63.

Imam al-Qurtubi menukilkan daripada al-Khattabi bahawa ar-Rahman ialah Tuhan yang memiliki rahmat yang menyeluruh, iaitu rahmat yang meliputi seluruh makhluk dalam rezeki mereka, faktor-faktor kehidupan mereka serta kemaslahatan mereka dan rahmat itu mencakupi semua, sama ada orang beriman mahupun orang kafir.¹²

Di dalam al-Quran, antara lain Allah menyebut nama ar-Rahman ini dalam konteks kebesaran dan kekuasaan-Nya:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى

Maksudnya: *“Iaitu (Allah) Ar-Rahman, yang bersemayam di atas Arasy.”*

(Surah Taha 20: 5)

Penghayatan terhadap nama ar-Rahman menanam kesedaran bahawa kehidupan ini berdiri atas rahmat Allah, bukan semata-mata hasil usaha manusia. Kesedaran ini melahirkan rasa syukur, tawaduk dan kasih kepada Allah serta mendorong hamba-hamba-Nya menzahirkan sifat rahmah dalam kehidupan.

3. Ar-Rahim (الرحيم) – Maha Pengasih

Jika ar-Rahman menggambarkan rahmat Allah yang bersifat umum, maka ar-Rahim merujuk kepada rahmat yang bersifat khusus, terutamanya kepada hamba-hamba yang beriman dan taat.

Seperti kata Imam al-Qurtubi, *“Adapun ar-Rahim, maka ia khusus bagi orang-orang yang beriman, sebagaimana firman Allah:*

¹² *Al-Asna fi Syarh Asma' al-Husna*, jil. 1, hlm. 73.

وَكَانَ بِالْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا

Maksudnya: *‘Dan adalah Ia sentiasa melimpah-limpah rahmat-Nya kepada orang-orang yang beriman (di dunia dan di akhirat).’*

(Surah al-Ahzab 33: 43)

Imam al-Ghazali pula membezakan ar-Rahman dan ar-Rahim jika dilihat dari sudut bahagian pengamatan dan pengamalan hamba-Nya melalui apa yang dipelajari dan dihayati daripada kedua-dua nama ini, iaitu dari sudut rahmat yang berbentuk bimbingan pada yang pertama dan juga rahmat yang berbentuk bantuan pada yang kedua.

Kata Imam al-Ghazali, *“Bahagian seorang hamba daripada nama ar-Rahman ialah dia mengasihi hamba-hamba Allah yang lalai, lalu mengalihkan mereka daripada jalan kelalaian kepada Allah Azzawajalla dengan nasihat dan peringatan secara lembut, bukan dengan kekerasan. Dia juga memandang para pendosa dengan pandangan rahmat, bukan dengan pandangan hina dan merendahkan.*

Setiap maksiat yang berlaku di dunia dianggapnya sebagai musibah terhadap dirinya sendiri, lalu dia tidak mensia-siakan sebarang usaha untuk menghapuskannya mengikut kemampuannya, sebagai rasa kasihan terhadap pendosa itu agar dia tidak terdedah kepada kemurkaan Allah dan tidak dijauhkan daripada sisi-Nya.

Bahagian seorang hamba daripada nama ar-Rahim pula ialah dia tidak membiarkan keperluan orang yang memerlukan tanpa dipenuhi mengikut kemampuannya, dan tidak membiarkan orang miskin di sekelilingnya atau di negerinya tanpa perhatian. Bahkan dia berusaha menanggung dan menghilangkan kefakiran mereka, sama ada dengan hartanya, kedudukannya atau dengan berusaha membela hak mereka melalui perantaraan kepada pihak lain.

Jika dia tidak mampu melakukan semua itu, maka dia membantu dengan doa serta menzahirkan kesedihan kerana keperluan mereka sebagai tanda kelembutan dan kasih sayang sehingga seolah-olah dia turut menanggung penderitaan dan keperluan orang tersebut.”¹³

4. Al-Malik (المالك) – Maha Memiliki Segala Kekuasaan

Nama al-Malik menegaskan bahawa Allah adalah raja yang sebenar dan pemilik mutlak seluruh alam. Kekuasaan-Nya tidak bermula dan tidak berakhir, tidak diwarisi dan tidak boleh dicabar. Segala bentuk kekuasaan di dunia hanyalah sementara dan berada sepenuhnya di bawah kehendak Allah.

Al-Malik ialah pemilik bagi segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi, apa yang berada di antara kedua-duanya dan apa yang berada di bawah tanah tanpa sebarang halangan, dan tanpa sesiapa pun yang dapat mempertikaikan atau menuntut balasan terhadap-Nya.¹⁴

Mengenal Allah sebagai al-Malik membebaskan manusia daripada perhambaan kepada makhluk, pangkat dan kuasa dunia serta menanam keyakinan bahawa keadilan dan pembalasan hakiki berada di sisi Allah.

Kata Imam al-Ghazali, “Seorang hamba tidak mungkin menjadi raja secara mutlak kerana dia tidak akan pernah bebas daripada keperluan kepada Allah Taala, walaupun dia tidak berhajat kepada selain-Nya. Dan tidak mungkin pula seluruh makhluk berhajat kepadanya, bahkan kebanyakan makhluk tidak berhajat kepadanya sama sekali.

Namun, oleh sebab seorang hamba mungkin bebas daripada sebahagian keperluan dan sebahagian makhluk berhajat kepadanya, maka dia memiliki sebahagian kecil daripada makna ‘memerintah’.”¹⁵

¹³ *Al-Maqсад al-Asna*, hlm. 64.

¹⁴ *Asma’ Allah al-Husna*, al-Qaradhawi, hlm. 129.

¹⁵ *Al-Maqсад al-Asna*, hlm. 66 – 67.

Allah SWT tetap merupakan raja secara mutlak, penguasa seluruhnya. Allah menegaskan kekuasaan mutlak ini melalui firman-Nya yang dibacakan hamba-hamba-Nya setiap hari dalam solat:

مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ

Maksudnya: “Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari akhirat).”

(Surah al-Fatihah 1: 4)

5. Al-Quddus (القدوس) – Maha Suci

Nama al-Quddus menunjukkan kesucian Allah yang mutlak daripada segala kekurangan, kecacatan dan sifat makhluk. Allah Maha Suci daripada disamakan dengan makhluk atau disifatkan dengan kelemahan.

Imam al-Ghazali menghuraikan makna al-Quddus ini dengan lebih mendalam, iaitulah al-Quddus ialah Tuhan yang disucikan daripada setiap sifat yang disangka oleh kebanyakan makhluk sebagai kesempurnaan bagi mereka. Hal ini demikian kerana makhluk mula-mula menilai diri mereka sendiri, mengenal sifat-sifat mereka, lalu mendapati sifat-sifat itu terbahagi kepada apa yang mereka anggap sebagai kesempurnaan seperti ilmu, kuasa, pendengaran, penglihatan, percakapan, kehendak dan pilihan, lalu mereka meletakkan istilah-istilah itu sebagai nama-nama kesempurnaan.

Mereka juga mengenal sifat-sifat yang mereka anggap sebagai kekurangan seperti kejahilan, kelemahan, kebutaan, ketulian dan bisu, lalu meletakkan istilah-istilah tersebut sebagai nama-nama kekurangan.

Kemudian, setinggi-tinggi pujian mereka terhadap Allah Taala ialah dengan menyifatkan-Nya dengan apa yang mereka anggap sebagai kesempurnaan mereka dan menafikan daripada-Nya apa yang mereka anggap sebagai kekurangan mereka.

Sedangkan Allah SWT Maha Suci daripada sifat-sifat kesempurnaan mereka, sebagaimana Dia Maha Suci daripada sifat-sifat kekurangan mereka. Bahkan setiap sifat yang terlintas pada makhluk, Allah Maha Suci dan Maha Tinggi daripadanya, daripada yang menyerupainya atau menyamainya.¹⁶

Begitulah Allah menyebutkan nama ini di dalam al-Quran:

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ

Maksudnya: “Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi sentiasa mengucap tasbih kepada Allah Yang Menguasai (sekalian alam), Yang Maha Suci, Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah al-Jumu‘ah 62: 1)

Nama al-Quddus ini menuntut seorang Mukmin menyucikan akidah daripada syirik, ibadah daripada riyak dan akhlak daripada sifat tercela kerana kedekatan kepada Allah hanya dicapai melalui kesucian hati.

¹⁶ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 68.

SESI KEDUA

NAMA-NAMA ALLAH 6-11

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, satu hingga 11.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- As-Salam (السلام) – Maha Sejahtera
- Al-Mu'min (المؤمن) – Maha Melimpahkan Keamanan dan Kesejahteraan
- Al-Muhaimin (المهيمن) – Maha Mengawal
- Al-'Aziz (العزیز) – Maha Berkuasa dan Perkasa
- Al-Jabbar (الجبار) – Maha Perkasa
- Al-Mutakabbir (المتكبر) – Maha Memiliki Segala Kebesaran

SESI KEDUA: NAMA-NAMA ALLAH 6-11

6. As-Salam (السلام) – Maha Sejahtera

Nama As-Salam menunjukkan bahawa Allah Maha Sejahtera, selamat daripada segala kekurangan dan kecacatan serta Dialah sumber keselamatan bagi makhluk-Nya. Segala ketenteraman jiwa dan keamanan hakiki berpunca daripada Allah, bukan daripada dunia atau manusia.

Imam al-Ghazali menjelaskan, “*As-Salam ialah Tuhan yang Zat-Nya terpelihara daripada segala aib, sifat-sifat-Nya terpelihara daripada sebarang kekurangan dan perbuatan-perbuatan-Nya terpelihara daripada kejahatan.*”¹⁷

Allah SWT berfirman:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ أَلَمَلِكُ الْفُؤُوسِ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهِمِّنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya: “*Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (daripada segala kekurangan); Yang Maha Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya); Yang Melengkapi segala Kebesaran-Nya. Maha Suci Allah daripada segala yang mereka sekutukan dengan-Nya.*”

(Surah al-Hashr 59: 23)

Penghayatan terhadap nama as-Salam mendidik seorang Mukmin agar mencari ketenangan melalui ketaatan kepada Allah serta berusaha menjadi pembawa keamanan dan kesejahteraan dalam kehidupan.

¹⁷ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 69.

7. Al-Mu'min (المؤمن) – Maha Melimpahkan Keamanan dan Kesejahteraan

Nama al-Mu'min menunjukkan bahawa Allah ialah Pemberi keamanan dan jaminan keselamatan yang sebenar. Dialah yang membenarkan para rasul-Nya, menenangkan hati hamba-hamba-Nya yang beriman dan menjamin keselamatan mereka daripada kezaliman. Keamanan hakiki bukan datang daripada kekuatan dunia tetapi daripada keyakinan kepada Allah yang memelihara dan melindungi.

Imam al-Ghazali menjelaskan makna nama ini dengan menyatakan, *“Al-Mu'min ialah Tuhan yang kepada-Nya disandarkan rasa aman dan keselamatan, dengan mengurniakan sebab-sebabnya dan menutup jalan-jalan ketakutan. Tidak mungkin wujud rasa aman dan keselamatan melainkan di tempat adanya ketakutan. Tidak ada pula ketakutan melainkan apabila terdapat kemungkinan ketiadaan, kekurangan dan kebinasaan. Al-Mukmin yang mutlak ialah Tuhan yang tiada suatu bentuk aman dan keselamatan pun yang dapat dibayangkan, melainkan ia diperoleh daripada sisi-Nya. Dialah Allah SWT.”*¹⁸

Allah menyebut nama ini dalam firman-Nya yang agung:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya: *“Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (dari segala kekurangan); Yang Maha Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya); Yang*

¹⁸ Al-Maqsad al-Husna, hlm. 70.

Melengkapi segala Kebesaran-Nya. Maha Suci Allah daripada segala yang mereka sekutukan dengan-Nya.”

(Surah al-Hashr 59: 23)

Penghayatan terhadap nama al-Mu'min menanam keamanan dan ketenangan dalam jiwa orang beriman kerana dia yakin bahawa Allah tidak menzalimi hamba-Nya dan setiap keadilan pasti akan disempurnakan.

8. Al-Muhaimin (المهيمن) – Maha Mengawal

Nama **Al-Muhaimin** merujuk kepada sifat Allah yang Maha Mengawasi, memelihara dan menguasai seluruh makhluk-Nya. Tiada sesuatu pun yang terlepas daripada pengawasan-Nya sama ada yang zahir atau tersembunyi. Allah mengetahui segala perbuatan, niat dan gerak hati hamba-hamba-Nya.

Kata Imam al-Ghazali, “Makna al-Muhaimin pada hak Allah Azzawajalla ialah bahawa Dia sentiasa mengawasi seluruh makhluk-Nya dalam amal perbuatan mereka, rezeki mereka dan tempoh hidup mereka. Pengawasan-Nya ke atas mereka berlaku melalui pengetahuan-Nya yang menyeluruh, penguasaan-Nya dan pemeliharaan-Nya.”¹⁹

Dia Maha Menguasai segala sesuatu, Maha Mengawasi dan Maha Memelihara semuanya. Tiada sesuatu pun yang terkeluar daripada kekuasaan-Nya, hukum-Nya, tadbir-Nya, pengawasan-Nya dan pemeliharaan-Nya. Sama ada makhluk itu hidup atau mati, di langit atau di bumi, kecil atau besar, halus atau besar nilainya, zahir atau tersembunyi, di dunia atau di akhirat. Ia merangkumi yang berakal dan yang tidak berakal, yang dapat dilihat dan yang tidak dapat dilihat, daripada alam yang nyata dan alam yang ghaib.²⁰

¹⁹ *Al-Maqсад al-Asna*, hlm. 72.

²⁰ *Asma' Allah al-Husna*, al-Qaradhawi, hlm. 129.

Firman Allah SWT:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya: “Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (daripada segala kekurangan); Yang Maha Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya); Yang Melengkapi segala Kebesaran-Nya. Maha Suci Allah daripada segala yang mereka sekutukan dengan-Nya.”

(Surah al-Hashr 59: 23)

Mengenal Allah sebagai al-Muhaimin membentuk rasa *muraqabah* (pengawasan) dalam diri seorang Mukmin, iaitu kesedaran bahawa Allah sentiasa memerhati, lalu mendorongnya menjaga amal zahir dan batin.

9. Al-‘Aziz (العزیز) – Maha Berkuasa dan Perkasa

Nama al-‘Aziz ialah salah satu daripada nama-nama Allah yang menunjukkan kekuatan, keperkasaan dan kemenangan, ketinggian darjat serta kemuliaan dan keagungan yang tidak dapat ditandingi.²¹

Nama al-‘Aziz ini menunjukkan bahawa Allah Maha Perkasa, Maha Mulia dan tidak dapat dikalahkan. Kekuasaan-Nya sempurna dan tidak tercabar, manakala kemuliaan-Nya tidak bergantung kepada sesiapa. Segala kekuatan makhluk hanyalah pinjaman dan akan lenyap, sedangkan kekuasaan Allah kekal selama-lamanya.

²¹ *Asma' Allah al-Husna*, al-Asyqar, hlm. 69.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha kuasa.*”

(Surah al-Mujadalah 58: 21)

Dalam menghuraikan ayat ini, Al-Zajaj berkata, “Al-‘Aziz ialah Tuhan yang tidak dapat dikalahkan dan tidak dapat ditundukkan.”²²

Imam al-Ghazali menghuraikan lebih mendalam makna al-‘Aziz dengan menyatakan, “*Al-‘Aziz ialah Yang Amat Bernilai dan Agung kedudukannya, yang sangat sedikit bandingannya, sangat diperlukan dan sukar untuk dicapai. Maka, tidak dinamakan sesuatu itu ‘aziz melainkan apabila berhimpun padanya tiga makna ini.*”²³

Nama al-‘Aziz mendidik seorang Mukmin agar tidak mencari kemuliaan melalui makhluk, sebaliknya meletakkan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah.

10. Al-Jabbar (الجبّار) – Maha Perkasa

Nama al-Jabbar merujuk kepada kekuasaan Allah yang mutlak dan kehendak-Nya yang tidak dapat ditolak.

Imam al-Ghazali menjelaskan, “*Al-Jabbar ialah Tuhan yang melaksanakan kehendak-Nya secara mutlak dan memaksa ke atas setiap makhluk, sedangkan tidak ada kehendak sesiapa pun yang berlaku ke atas-Nya. Dialah Tuhan yang tiada seorang pun terlepas daripada genggamannya dan segala upaya menjadi lemah untuk menembusi wilayah*

²² *Ma‘ani al-Qur’an wa l’rabuh*, jil. 5, hlm. 141.

²³ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 73.

kekuasaan-Nya. Maka Al-Jabbar yang mutlak ialah Allah SWT, Dialah yang menundukkan semua dan tiada siapa yang dapat menundukkan-Nya.”²⁴

Allah menyebut nama ini dalam al-Quran sebagaimana berikut:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ أَلَمَّكَ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya: “Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (daripada segala kekurangan); Yang Maha Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya); Yang Melengkapi segala Kebesaran-Nya. Maha Suci Allah daripada segala yang mereka sekutukan dengan-Nya.”

(Surah al-Hashr 59: 23)

Nama al-Jabbar mengajar bahawa kekuasaan Allahlah yang mutlak, yang tidak ada tolok bandingnya, tidak ada mana-manapun hamba mahupun makhluk-Nya yang boleh mendakwa sedemikian rupa.

11. Al-Mutakabbir (المتكبر) – Maha Memiliki Segala Kebesaran

Nama al-Mutakabbir menunjukkan kebesaran Allah yang mutlak dan keagungan-Nya yang sebenar. Kebesaran ini hanya layak bagi Allah kerana hanya Dia yang sempurna. Sifat besar diri dan sombong pada makhluk adalah tercela tetapi kebesaran bagi Allah adalah kesempurnaan.

²⁴ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm.74.

Allah menyebut nama ini di dalam al-Quran:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ أَلَمَّكَ الْفُؤُوسُ أَلَسَّكَ الْمُؤْمِنُ أَلْمُهَيْمِنُ أَلْعَزِيزُ أَلْجَبَّارُ أَلْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya: “Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (daripada segala kekurangan); Yang Maha Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya); Yang Melengkapi segala Kebesaran-Nya. Maha Suci Allah daripada segala yang mereka sekutukan dengan-Nya.”

(Surah al-Hashr 59: 23)

Kata Imam al-Razi dalam mentafsirkan ayat ini, “Ketahuilah bahawa sifat ‘al-mutakabbir’ apabila disandarkan kepada makhluk adalah nama celaan kerana orang yang mutakabbir itu ialah orang yang menzahirkan kesombongan daripada dirinya sendiri. Dan hal itu merupakan kekurangan pada hak makhluk kerana sebenarnya dia tidak memiliki kebesaran dan ketinggian, bahkan tidak ada padanya selain kehinaan, kerendahan dan kefakiran. Maka apabila dia menzahirkan keangkuhan dan ketinggian, dia sebenarnya berdusta, dan oleh itu perbuatannya tercela pada hak dirinya.

Adapun Allah SWT, maka bagi-Nya seluruh jenis ketinggian dan kebesaran. Apabila Dia menzahirkan sifat tersebut, maka Dia sedang membimbing hamba-hamba-Nya untuk mengenal keagungan dan ketinggian-Nya. Maka, perbuatan itu adalah puncak pujian dan sanjungan pada hak-Nya.²⁵

Nama ini mendidik manusia agar tunduk dan tawaduk serta menjauhi kesombongan kerana kebesaran hakiki hanyalah milik Allah SWT.

²⁵ Mafatih al-Ghaib, jil. 29, hlm. 514.

SESI KETIGA

NAMA-NAMA ALLAH 12-16

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 12 hingga 16.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Khaliq (الخالق) – Maha Pencipta
- Al-Bari' (البارئ) – Maha Menjadikan (Membentuk daripada Ketiadaan)
- Al-Musawwir (المصور) – Maha Membentuk Rupa
- Al-Ghaffar (الغفار) – Maha Mengampuni
- Al-Qahhar (القهار) – Maha Gagah Perkasa

SESI KETIGA: NAMA-NAMA ALLAH 12-16

12. Al-Khaliq (الخالق) – Maha Pencipta

Nama al-Khaliq menunjukkan bahawa Allah ialah Pencipta yang mencipta segala sesuatu dengan kehendak dan kebijaksanaan-Nya. Ciptaan Allah tidak berlaku secara kebetulan. Ciptaan Allah adalah ketetapan yang sempurna.

Sesungguhnya Allah SWT sahaja yang benar-benar Maha Pencipta. Tiada pun daripada mereka yang dijadikan sebagai tuhan selain-Nya, sama ada pada zaman dahulu atau zaman sekarang, yang mampu mencipta walaupun sesuatu yang kecil atau besar, sekecil dan sehinia mana sekalipun.²⁶

Allah berfirman di dalam al-Quran:

اللَّهُ خَلِقُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ

Maksudnya: “Allah Yang Menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah Yang Mentadbirkan serta Menguasai segala-galanya.”

(Surah az-Zumar 39: 62)

Alam semesta ini yang diciptakan oleh Allah adalah sebuah rumah ibadah yang agung, yang seluruh penjuru dan sudutnya bergema dengan tasbih memuji Penciptanya. Apabila hamba-hamba-Nya merenunginya dengan pandangan yang penuh pengajaran, berfikir dan bertadabbur, nescaya hati mereka akan dipenuhi dengan iman dan keyakinan, lalu mereka memurnikan agama mereka semata-mata untuk Tuhan Pencipta mereka.

Hal ini demikian kerana dengan renungan tersebut, mereka menyedari bahawa Allah menciptakan seluruh makhluk ini dengan tujuan yang amat besar, iaitu menjadikannya sebagai tempat kehidupan bagi anak-anak Adam dan menundukkannya untuk mereka, agar mereka beribadah kepada-Nya sahaja tanpa sekutu bagi-Nya.²⁷

²⁶ *Asma' Allah al-Husna*, al-Qaradhawi, hlm. 183.

²⁷ *Asma' Allah al-Husna*, al-Asyqar, hlm. 85.

13. Al-Bari' (البارئ) – Maha Menjadikan (Membentuk daripada Ketiadaan)

Nama al-Bari' merujuk kepada Allah sebagai Pencipta; Dialah yang mencipta seluruh makhluk dalam pelbagai bentuk dan jenis, dengan perbezaan dan kepelbagaian yang menakjubkan. Dia menciptakan semua makhluk tanpa contoh terdahulu, mengeluarkannya daripada ketiadaan kepada kewujudan tanpa meniru sebarang model yang sedia ada.²⁸

Allah menyebut nama ini bersama sifat penciptaan-Nya:

هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: “Dialah Allah, Yang Menciptakan sekalian makhluk; Yang Mengadakan (daripada tiada kepada ada); Yang Membentuk rupa (makhluk-makhluk-Nya menurut yang dikehendaki-Nya); bagi-Nyalah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepada-Nya segala yang ada di langit dan di bumi; dan Dialah Yang tiada banding-Nya, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah al-Hashr 59: 24)

Menurut Imam al-Razi, disebut pula al-Bari', iaitu dengan maksud “Pembuat” dan “Pengada”, yang menunjukkan penciptaan jasad-jasad atau entiti fizikal daripada ketiadaan. Oleh sebab itu, istilah “*bariyyah*” (yang terbentuk daripada huruf-huruf asal yang sama) digunakan untuk makhluk ciptaan.²⁹

Penghayatan terhadap nama al-Bari' menanam keyakinan bahawa setiap ciptaan Allah berlaku dengan keseimbangan dan kesempurnaan menurut hikmah-Nya.

²⁸ *Bayan Ma'ani Asma' Allah al-Husna*, hlm. 14.

²⁹ *Mafatih al-Ghaib*, jil. 29, hlm. 514.

14. Al-Musawwir (المصور) – Maha Membentuk Rupa

Nama al-Musawwir menunjukkan bahawa Allah menentukan rupa, bentuk dan ciri setiap ciptaan-Nya. Setiap makhluk diciptakan dengan bentuk yang unik dan sesuai dengan peranannya. Tiada satu pun ciptaan Allah yang berlaku secara sia-sia atau tanpa tujuan.

Kata al-Khattabi, “Al-Musawwir ialah Yang menciptakan makhluk-Nya dalam rupa-rupa bentuk yang berbeza supaya mereka saling mengenali antara satu sama lain melalui perbezaan tersebut.”³⁰

Firman Allah SWT:

اللَّهُ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ قَرَارًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُورَكُمْ وَرَزَقَكُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ
ذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمُ فَتَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

Maksud: “Allah yang menjadikan bumi sebagai tempat penetapan untuk kamu dan langit sebagai bumbung yang kukuh binaannya; dan Ia membentuk kamu lalu memperelokkan rupa kamu serta dikurniakan kepada kamu daripada benda-benda yang baik lagi halal. Yang demikian (kekuasaan-Nya dan kemurahan-Nya) ialah Allah Tuhan kamu; maka nyatalah kelebihan dan kemurahan Allah, Tuhan sekalian alam.”

(Surah Ghafir 40: 64)

Begitulah juga Allah SWT-lah yang membentuk rupa dan kejadian kita sebagaimana yang Dia kehendaki. Sesungguhnya apa sahaja yang dibentuk dan dijadikan-Nya itu adalah sebaik-baik ciptaan.

Allah berfirman:

هُوَ الَّذِي يُصَوِّرُكُمْ فِي الْأَرْحَامِ كَيْفَ يَشَاءُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: “Dialah yang membentuk rupa kamu dalam rahim (ibu kamu) sebagaimana yang dikehendaki-Nya. Tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

³⁰ Sya'n ad-Du'a', jil. 1, hlm. 51.

Nama al-Musawwir mendidik manusia agar mensyukuri ciptaan Allah dan tidak merendah-rendahkan rupa atau keadaan diri sendiri dan orang lain.

15. Al-Ghaffar (الغفار) – Maha Mengampuni

Nama al-Ghaffar menunjukkan keluasan keampunan Allah yang luas dan berulang-ulang, meskipun dosa dilakukan berkali-kali. Keampunan Allah tidak pernah terbatas selagimana hamba-Nya kembali kepada-Nya dengan taubat yang ikhlas.

Kata Imam al-Ghazali, *“Al-Ghaffar ialah Tuhan yang menzahirkan keindahan dan menutup keburukan. Dosa-dosa juga termasuk dalam keburukan yang Dia tutupi dengan menebarkan tirai penutupan ke atasnya di dunia serta mengampunkan hukuman terhadapnya di akhirat.”*³¹

Allah menyebut nama ini di dalam al-Quran:

وَإِنِّي لَغَفَّارٌ لِّمَن تَابَ وَعَمِلَ صَالِحًا ثُمَّ اهْتَدَىٰ

Maksudnya: *“Dan sesungguhnya Aku yang amat memberi ampun kepada orang-orang yang bertaubat serta beriman dan beramal soleh, kemudian ia tetap teguh menurut petunjuk yang diberikan kepadanya.”*

(Surah Taha 20: 82)

Nama al-Ghaffar mengajar para hamba-Nya bahawa pintu harapan sentiasa terbuka agar mereka tidak berputus asa daripada rahmat Allah dan sentiasa kembali kepada-Nya.

³¹ *Al-Maqsad al-Husna*, hlm. 80.

16. Al-Qahhar (القهار) – Maha Gagah Perkasa

Nama al-Qahhar menunjukkan kekuasaan Allah yang mutlak dan tidak dapat ditandingi. Segala makhluk berada di bawah kekuasaan dan kehendak-Nya, sama ada mereka reda atau enggan.

Kata Imam al-Ghazali, *“Al-Qahhar ialah Tuhan yang mematahkan kekuatan para zalim dan angkuh daripada kalangan musuh-musuh-Nya, lalu menundukkan mereka dengan kematian dan kehinaan. Bahkan Dia ialah Tuhan yang tiada satu makhluk pun melainkan berada di bawah kekuasaan dan penundukan-Nya. Semuanya ditundukkan di bawah keperkasaan-Nya, lemah dalam genggamannya.”*³²

Allah berfirman dalam Surah Yusuf:

يُصْحَبِي السِّجْنِ ۖ أَرْبَابٌ مُتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمْ اللَّهُ الْوَحِيدُ الْقَهَّارُ

Maksudnya: *“Wahai sahabatku berdua yang sepenjara, memuja dan menyembah berbilang-bilang tuhan yang bercerai-berai itukah yang lebih baik atau menyembah Allah Tuhan Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa?”*

(Surah Yusuf 12: 39)

Penghayatan terhadap nama al-Qahhar menanam rasa takut yang seimbang dengan harapan serta kesedaran bahawa tiada sesuatu pun dapat lari daripada kekuasaan Allah. Begitu juga penghayatan nama Allah ini pada sisi hamba adalah dengan melawan dan menewaskan musuh hawa nafsunya dan menundukkan tipu daya syaitan.

³² *Al-Maqсад al-Husna*, hlm. 81.

SESI KEEMPAT

NAMA-NAMA ALLAH 17-22

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 17 hingga 22.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Wahhab (الوهاب) – Maha Pemberi
- Ar-Razzaq (الرزاق) – Maha Memberi Rezeki
- Al-Fattah (الفتاح) – Maha Pembuka
- Al-'Alim (العليم) – Maha Mengetahui
- Al-Qabid (القابض) – Maha Pengekang
- Al-Basit (الباسط) – Maha Melapangkan

SESI KEEMPAT: NAMA-NAMA ALLAH 17-22

17. Al-Wahhab (الوهاب) – Maha Pemberi

Nama al-Wahhab menunjukkan bahawa Allah Maha Pemberi, yang mengurniakan nikmat tanpa diminta balasan. Pemberian Allah adalah tanda kemurahan dan kasih sayang-Nya, bukan kerana keperluan atau kepentingan.

Kata Imam al-Ghazali, *“Al-Hibah ialah pemberian yang bebas daripada sebarang balasan dan kepentingan. Apabila pemberian seperti ini dilakukan dengan banyak, maka pemberinya disebut wahhab (sangat pemberi) dan jawwad (sangat pemurah).*

Namun hakikat kedermawanan dan pemberian sebenar tidak mungkin terbayang kecuali pada Allah Taala kerana Dialah yang memberi setiap orang yang memerlukan apa yang dia perlukan, tanpa sebarang balasan, tanpa sebarang tujuan segera mahupun secara tangguh (duniawi atau ukhrawi).³³

Nama ini dirakamkan dalam doa yang disebutkan di dalam al-Quran:

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ

Maksudnya: *“(Mereka berdoa dengan berkata): ‘Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberian-Nya.’*

(Surah Ali ‘Imran 3: 8)

Nama al-Wahhab mendidik seorang Mukmin agar sentiasa bergantung kepada kemurahan Allah dan mencontohi sifat memberi dengan ikhlas.

³³ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 82.

18. Ar-Razzaq (الرزاق) – Maha Memberi Rezeki

Nama ar-Razzaq menunjukkan bahawa Allah ialah Pemberi rezeki yang sebenar, yang mengurniakan rezeki secara berterusan kepada seluruh makhluk. Rezeki ini bukanlah sekadar harta dan makanan tetapi ia juga merangkumi segala keperluan hidup, zahir dan batin. Tiada satu pun makhluk yang terlepas daripada rezeki Allah dan tiada makhluk pun yang mampu menghalangnya.

Imam al-Ghazali menyebutkan, “*Ar-Razzaq ialah Tuhan yang menciptakan segala rezeki dan para penerimanya, lalu menyampaikannya kepada mereka serta menciptakan sebab-sebab untuk mereka menikmati rezeki tersebut.*”³⁴

Allah berfirman di dalam al-Quran:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah Dialah sahaja Yang Memberi Rezeki (kepada sekalian makhluk-Nya, dan Dialah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaan-Nya.*”

(Surah adz-Dzaariyaat 51: 58)

Nama ar-Razzaq menanam keyakinan kepada para hamba Allah bahawa rezeki itu berada di di bawah kawalan dan kekuasaan Allah, bukan semata-mata hasil usaha manusia, mahupun pemberian mutlak oleh mana-mana makhluk pun, lalu dengan itu membentuk sikap tawakal dan syukur dalam kalangan hamba-hamba-Nya.

³⁴ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 84.

19. Al-Fattah (الفتاح) – Maha Pembuka atau Pemutus Hukum

Nama al-Fattah merujuk kepada Allah sebagai Yang Maha Membuka sama ada membuka pintu rezeki, rahmat, hidayah atau penyelesaian terhadap kesulitan. Allah juga membuka kebenaran dan memutuskan hukum dengan keadilan antara hamba-hambanya.

Menurut Imam al-Ghazali, al-Fattah ialah Tuhan yang dengan penjagaan dan perhatiannya, terbuka setiap yang tertutup, dan dengan petunjuk-Nya, tersingkap setiap perkara yang sulit.³⁵

Kata al-Khattabi pula, “Al-Fattah ialah Tuhan Yang Maha Menghakimi di antara hamba-hambanya. Dalam bahasa Arab dikatakan: ‘فتح الحاكم بين الخصمين’, iaitu dengan maksud apabila seorang hakim memutuskan dan menyelesaikan pertikaian antara dua pihak.”³⁶

Allah berfirman di dalam al-Quran:

قُلْ يَجْمَعُ بَيْنَنَا رَبُّنَا ثُمَّ يَفْتَحُ بَيْنَنَا بِالْحَقِّ وَهُوَ الْفَاتِحُ الْعَلِيمُ

Maksudnya: “Katakanlah lagi: ‘Tuhan kita akan menghimpunkan Kita semua (pada hari kiamat), kemudian Ia akan menyelesaikan perselisihan yang ada di antara kita dengan penyelesaian yang benar; dan Dialah jua Hakim yang seadil-adilnya, lagi Yang Maha Mengetahui segala-galanya’.”

(Surah Saba’ 34: 26)

Mengenal Allah sebagai al-Fattah mengajar seorang Mukmin agar tidak berputus asa ketika menghadapi kesempitan kerana Allah itu Maha Membuka jalan keluar. Begitu juga, sewajarnya seorang hamba berusaha agar dirinya menjadi orang yang dengan ilmu yang dikurniakan kepadanya, menjadi pembuka atau dipermudahkan perkara-perkara yang sukar bagi manusia.

³⁵ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 87.

³⁶ *Sya’n ad-Du’a*, jil. 1, hlm. 56.

20. Al-'Alim (العليم) – Maha Mengetahui

Nama al-'Alim menunjukkan bahawa ilmu Allah meliputi segala sesuatu tanpa batasan. Allah mengetahui yang zahir dan yang batin, yang lalu, yang sedang berlaku dan yang akan datang. Tiada sesuatu pun tersembunyi daripada ilmu-Nya walaupun lintasan hati manusia.

Kata Imam al-Ghazali, *“Kesempurnaan al-'Alim adalah bahawa Allah meliputi segala sesuatu dengan ilmu-Nya, yang zahir dan yang batin, yang halus dan yang besar, yang awal dan yang akhir, akibatnya dan permulaannya. Ini dari sudut banyaknya perkara yang diketahui, sedangkan perkara yang diketahui itu tiada penghujungnya.”*³⁷

Allah menegaskan keluasan ilmu-Nya:

وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya: *“Dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”*

(Surah al-Baqarah 2: 282)

Nama al-'Alim ini mendidik manusia agar menggolongkan diri dalam kalangan penuntut ilmu. Kemuliaan seseorang hamba terhasil melalui ilmu.

³⁷ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 86.

21. Al-Qabid (القبض) – Maha Pengekang (Yang Menggenggam)

Nama al-Qabid menunjukkan bahawa Allah berkuasa menyempitkan rezeki, jiwa dan keadaan makhluk-Nya menurut hikmah-Nya. Penyempitan ini bukan suatu bentuk kezaliman. Sebaliknya, sebagai sebuah ujian, peringatan mahupun tarbiah buat para hamba.

Imam al-Ghazali menjelaskan dan mengaitkan al-Qabid dan al-Basit dengan kefahaman yang lebih luas dengan menjelaskan bahawa Dialah Allah yang menggenggam (*yaqbid*) roh-roh daripada jasad ketika kematian dan membentangkan atau mengembalikan (*yabsut*) roh ke dalam jasad ketika kehidupan.

Dialah yang menerima atau menggenggam (*yaqbid*) sedekah daripada orang-orang kaya dan melapangkan (*yabsut*) rezeki kepada orang-orang yang lemah. Dia melapangkan rezeki (*yabsut*) dan Dialah yang menyempitkannya (*yaqbid*). Dia juga menggenggam (*yaqbid*) hati-hati hamba-Nya lalu menyempitkannya dan Dialah juga yang melapangkan (*yabsut*) hati-hati dengan apa yang Dia dekatkan kepada mereka daripada kebaikan, kelembutan dan keindahan-Nya.³⁸

Allah SWT berfirman:

وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Maksudnya: “Dan (ingatlah), Allah jualah Yang menyempit dan Yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan.”

(Surah al-Baqarah 2: 245)

Nama al-Qabid ini mengajar manusia agar bersabar ketika sempit dan tidak bersangka buruk terhadap Allah. Sesungguhnya Allah menguji hamba-hamba-Nya dengan hikmah-Nya yang tersendiri.

³⁸ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 88.

22. Al-Basit (الباسط) – Maha Melapangkan

Nama al-Basit melengkapi makna al-Qabid, yaitu Allah yang meluaskan rezeki, jiwa dan keadaan hamba-hamba-Nya. Peluasan ini adalah nikmat yang menuntut kesyukuran dan amanah.

Seperti al-Qabid, Imam al-Ghazali menjelaskan dan mengaitkan al-Qabid dan al-Basit dengan kefahaman yang lebih luas dengan menjelaskan bahawa Dialah Allah yang menggenggam (*yaqbid*) roh-roh daripada jasad ketika kematian dan membentangkan atau mengembalikan (*yabsut*) roh ke dalam jasad ketika kehidupan. Dialah yang menerima atau menggenggam (*yaqbid*) sedekah daripada orang-orang kaya dan melapangkan (*yabsut*) rezeki kepada orang-orang yang lemah. Dia melapangkan rezeki (*yabsut*) dan Dialah yang menyempitkannya (*yaqbid*). Dia juga menggenggam (*yaqbid*) hati-hati hamba-Nya lalu menyempitkannya, dan Dialah juga yang melapangkan (*yabsut*) hati-hati dengan apa yang Dia dekatkan kepada mereka daripada kebaikan, kelembutan dan keindahan-Nya.³⁹

Allah SWT berfirman:

وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Maksudnya: “Dan (ingatlah), Allah jualah Yang menyempit dan Yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan.”

(Surah al-Baqarah 2: 245)

Penghayatan terhadap nama al-Basit mendidik manusia agar tidak lupa diri ketika lapang dan sentiasa bersyukur.

³⁹ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 88.

SESI KELIMA

NAMA-NAMA ALLAH 23-27

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 23 hingga 27.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Khafid (الخافض) – Maha Merendahkan
- Ar-Rafi' (الرافع) – Maha Meninggikan
- Al-Mu'izz (المعز) – Maha Memuliakan
- Al-Mudzil (المذل) – Maha Menghinakan
- As-Sami' (السميع) – Maha Mendengar

SESI KELIMA: NAMA-NAMA ALLAH 23-27

23. Al-Khafid (الخافض) – Maha Merendahkan

Nama al-Khafid menunjukkan bahawa Allah merendahkan kedudukan sesiapa yang Dia kehendaki, sama ada melalui kejatuhan pangkat, kekuatan atau pengaruh. Perendahan ini berlaku dengan keadilan dan hikmah Allah.

Al-Khattabi menjelaskan bahawa al-Khafid ialah Allah merendahkan orang-orang yang zalim dan berkuasa secara angkuh serta menghinakan para Firaun yang sombong lagi membesar diri. Tidak ada sesiapa yang dapat menjadi tinggi melainkan orang yang Allah angkat, dan tidak ada sesiapa yang menjadi hina melainkan orang yang Allah rendahkan dan jatuhkan.⁴⁰

Kata Imam al-Ghazali, *“Dialah Allah yang merendahkan orang-orang kafir dengan kesengsaraan dan mengangkat orang-orang beriman dengan kebahagiaan. Dia mengangkat para wali-Nya dengan kedekatan dan merendahkan musuh-musuh-Nya dengan dijauhkan.”*⁴¹

Nama al-Khafid mendidik manusia agar menjauhi kesombongan dan sentiasa merendahkan diri di hadapan Allah.

⁴⁰ Sya'n ad-Du'a', jil. 1, hlm. 58

⁴¹ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 88.

24. Ar-Rafi' (الرافع) – Maha Meninggikan

Nama ar-Rafi' menunjukkan bahawa Allah mengangkat kedudukan sesiapa yang Dia kehendaki sama ada dengan iman, ilmu, akhlak atau kedudukan di sisi-Nya. Pengangkatan ini bukan semata-mata bersifat duniawi, namun yang lebih utama ialah pengangkatan darjat di sisi Allah dan di akhirat kelak.

Al-Khattabi menjelaskan bahawa al-Rafi' ialah Allah mengangkat darjat para wali-Nya dengan ketaatan, lalu meninggikan kedudukan mereka, menolong mereka mengatasi musuh-musuh-Nya dan menjadikan kesudahan yang baik berpihak kepada mereka. Tidak ada sesiapa yang dapat menjadi tinggi melainkan orang yang Allah angkat dan tidak ada sesiapa yang menjadi hina melainkan orang yang Allah rendahkan dan jatuhkan.⁴²

Kata Imam al-Ghazali, *“Dialah Allah yang merendahkan orang-orang kafir dengan kesengsaraan dan mengangkat orang-orang beriman dengan kebahagiaan. Dia mengangkat para wali-Nya dengan kedekatan dan merendahkan musuh-musuh-Nya dengan dijauhkan.”*⁴³

Allah berfirman di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ انشُرُوا فَاَنْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain), maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun, maka bangunlah supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”*

⁴² Sya'n ad-Du'a', jil. 1, hlm. 58

⁴³ Al-Maqсад al-Asna, hlm. 88.

Mengenal Allah sebagai ar-Rafi' mendidik seorang Mukmin agar mencari kemuliaan melalui iman, ilmu dan akhlak, bukan melalui kesombongan yang terhasil daripada apa-apa kedudukan dan pangkat.

25. Al-Mu'izz (المعز) – Maha Memuliakan

Nama al-Mu'izz merujuk kepada Allah sebagai Pemberi kemuliaan yang sebenar. Kemuliaan yang sebenar tidak diperoleh melalui kekuatan atau pengaruh semata-mata tetapi melalui ketetapan dan ketentuan Allah. Allah memuliakan sesiapa yang Dia kehendaki dengan iman, ketaatan dan pertolongan-Nya.

Kata Ibn al-Athir, *"Al-Mu'izz ialah Dia yang mengurniakan kemuliaan kepada sesiapa yang Dia kehendaki daripada hamba-hamba-Nya."*⁴⁴

Allah SWT berfirman:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَاءُ بِإِذْنِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: *"Katakanlah (wahai Muhammad), 'Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."*

(Surah Ali 'Imran 3: 26)

⁴⁴ *An-Nihayah*, jil. 3, hlm. 228.

Nama al-Mu'izz menanam keyakinan bahawa kemuliaan hakiki hanya datang daripada Allah, lalu membentuk sikap rendah diri dan bergantung kepada-Nya.

26. Al-Mudzil (المذل) – Maha Menghinakan

Nama al-Mudzil melengkapi makna al-Mu'izz, iaitu Allah yang menghinakan sesiapa yang Dia kehendaki. Penghinaan ini berlaku dengan hikmah dan keadilan, sama ada sebagai hukuman, peringatan atau pengajaran. Tiada siapa mampu mempertahankan kemuliaan tanpa izin Allah.

Kata Ibn al-Athir, *“Al-Mudzil ialah Dia yang menimpakan kehinaan kepada sesiapa yang Dia kehendaki daripada hamba-hamba-Nya serta menafikannya daripada segala bentuk kemuliaan.”*⁴⁵

Allah SWT berfirman:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِإِذْنِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: *“Katakanlah (wahai Muhammad), ‘Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam*

⁴⁵ An-Nihayah, jil. 2, hlm. 166.

kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

(Surah Ali 'Imran 3: 26)

Nama ini mendidik manusia agar menjauhi kesombongan dan sentiasa takut akan kehilangan kemuliaan di sisi Allah.

27. As-Sami' (السميع) – Maha Mendengar

Nama As-Sami' menunjukkan bahawa Allah Maha Mendengar segala sesuatu tanpa batasan. Allah mendengar suara yang nyaring dan yang tersembunyi, doa yang dilafazkan dan bisikan hati yang tidak terucap. Tiada sesuatu pun terlepas daripada pendengaran Allah.

Kata Imam al-Ghazali, *“Dialah Tuhan yang tidak terlepas daripada pendengaran-Nya apa jua yang dapat didengar, walaupun ia tersembunyi. Dia mendengar rahsia dan bisikan, bahkan apa yang lebih halus dan lebih tersembunyi daripada itu. Dia mendengar derapan semut hitam di atas batu yang keras pada malam yang gelap gelita. Dia mendengar pujian orang-orang yang memuji, lalu membalas mereka, dan juga doa orang-orang yang berdoa, lalu Dia memperkenankannya.”*⁴⁶

Allah berfirman:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

⁴⁶ *Al-Maqsid al-Asna*, hlm. 90.

Maksud: *“Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil kedua-duanya berdoa dengan berkata: ‘Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.’”*

(Surah al-Baqarah 2: 127)

Nama as-Sami' mendidik seorang Mukmin agar menjaga tutur kata dengan melafazkan kata-kata yang baik atau setidaknya diam dan juga memperbanyak zikir dan doa kerana Allah sentiasa mendengar. Begitu juga Tuhan Yang Maha Mendengar, yang menciptakan hambanya dengan pendengaran, sewajarnya menggunakan pancaindera pendengaran ini kepada perkara-perkara yang baik dan bermanfaat sahaja.

SESI KEENAM

NAMA-NAMA ALLAH 28-33

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 28 hingga 33.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Basir (البصير) – Maha Melihat
- Al-Hakam (الحكم) – Maha Menentukan Hukuman
- Al-'Adl (العدل) – Maha Adil
- Al-Latif (اللطيف) – Maha Lembut dan Halus Pengetahuannya
- Al-Khabir (الخبير) – Maha Sedia Mengetahui
- Al-Halim (الحليم) – Maha Penyantun dan Penyabar

SESI KEENAM: NAMA-NAMA ALLAH 28-33

28. Al-Basir (البصير) – Maha Melihat

Nama al-Basir menunjukkan bahawa Allah Maha Melihat segala sesuatu, sama ada yang zahir atau yang tersembunyi. Penglihatan Allah tidak terhad oleh cahaya, jarak atau halangan. Segala perbuatan manusia sama ada kecil atau besar berada dalam penglihatan-Nya.

Kata Imam al-Ghazali, “Al-Basir ialah Yang Maha Melihat, yang melihat dan menyaksikan segala sesuatu sehingga tidak tersembunyi daripada-Nya apa pun walaupun yang berada di bawah lapisan bumi.”⁴⁷

Allah berfirman:

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksud: “Dan bertaqwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.”

(Surah al-Baqarah 2: 233)

Nama al-Basir menanam rasa *muraqabah* dalam diri seorang Mukmin, mendorongnya menjaga amal zahir dan batin kerana Allah sentiasa melihat.

⁴⁷ *Al-Maqsid al-Asna*, hlm. 91.

29. Al-Hakam (الحكم) – Maha Menentukan Hukuman

Nama al-Hakam menunjukkan bahawa Allah adalah Hakim yang sebenar, yang memutuskan segala urusan dengan keadilan, kebenaran dan hikmah. Tiada keputusan yang lebih benar dan lebih adil daripada keputusan Allah kerana hukum-Nya tidak dipengaruhi hawa nafsu, kepentingan mahupun kejahilan sebagaimana yang terdedah kepada manusia.

Imam al-Ghazali menghurai lanjut nama al-Hakam ini dengan mengatakan bahawa Allah ialah al-Hakim yang Maha Menetapkan, Maha Memutuskan dan Maha Menghukum. Tiada siapa dapat menolak keputusan-Nya dan tiada sesiapa boleh membatalkan ketetapan-Nya.

Termasuk dalam hukum-Nya atau ketetapan-Nya terhadap hamba-hamba ialah bahawasanya manusia tidak memperoleh melainkan apa yang diusahakannya, usahanya juga pasti akan diperlihatkan. Begitu juga orang-orang yang baik berada dalam kenikmatan dan orang-orang yang jahat berada dalam azab.

Allah menghukum atau memutuskan orang yang baik dan orang yang jahat dengan kebahagiaan dan kesengsaraan, iaitu Dia menjadikan kebaikan dan kejahatan sebagai sebab yang mengheret pelakunya kepada kebahagiaan atau kesengsaraan, sebagaimana Dia menjadikan ubat dan racun sebagai sebab yang membawa peminumnya kepada kesembuhan atau kebinasaan.

Jika diberikan makna hikmah itu adalah pada menyusun sebab-sebab dan mengarahkannya kepada akibat, maka yang memiliki hikmah secara mutlak itu ialah Hakim yang Mutlak, Penyebab segala sebab, secara keseluruhan dan terperinci. Itulah Allah al-Hakam.⁴⁸

⁴⁸ *Al-Maqсад al-Asna*, hlm. 92.

Allah berfirman:

أَفَعَيَّرَ اللَّهُ أَبْتَعِيَ حَكْمًا وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ إِلَيْكُمُ الْكِتَابَ مُفَصَّلًا

Maksudnya: “(Katakanlah wahai Muhammad): ‘Patutkah aku (terpedaya dengan kata-kata dusta syaitan-syaitan itu sehingga aku) hendak mencari hakim selain Allah, padahal Dialah yang menurunkan kepada kamu kitab al-Quran yang jelas nyata kandungannya satu per satu (tentang yang benar dan yang salah)?’”

(Surah al-An‘am 6: 114)

Mengenal Allah sebagai al-Hakam mendidik manusia agar reda dengan ketetapan-Nya dan menjadikan syariat Allah sebagai rujukan tertinggi dalam kehidupan.

30. Al-‘Adl (العدل) – Maha Adil

Nama al-‘Adl menunjukkan bahawa Allah Maha Adil dan tidak menzalimi sesiapa pun walaupun sebesar zarah. Setiap keputusan, hukuman dan ketetapan Allah berlaku dengan keadilan yang sempurna sama ada manusia memahaminya atau tidak.

Kata Ibn al-Athir, “Dalam nama-nama Allah Taala, al-‘Adl ialah Dia yang tidak dipengaruhi oleh hawa nafsu, maka Dia tidak menyimpang dan tidak berlaku zalim dalam menetapkan hukum.”⁴⁹

⁴⁹ An-Nihayah, jil. 3, hlm. 190.

Allah berfirman:

وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا

Maksudnya: “Dan (ingatlah) Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada seseorang pun.”

(Surah al-Kahf 18: 49)

Nama al-‘Adl membentuk keyakinan kepada hamba-hamba-Nya bahawa keadilan hakiki pasti ditegakkan sama ada di dunia atau di akhirat.

31. Al-Latif (اللطيف) – Maha Lembut dan Halus Pengetahuan-Nya

Nama al-Latif merujuk kepada kelembutan Allah dalam mengatur urusan hamba-hamba-Nya serta pengetahuan-Nya terhadap perkara yang paling halus dan tersembunyi. Allah melaksanakan kehendak-Nya dengan cara yang lembut dan penuh hikmah.

Imam al-Ghazali menjelaskan, “Nama ini hanya layak bagi Zat yang mengetahui sedalam-dalamnya selok-belok masalah, perkara-perkara yang tersembunyi, yang paling halus dan yang paling lembut daripadanya, kemudian menyampaikannya kepada pihak yang menerima manfaat dengan jalan kelembutan dan kasih sayang, bukan dengan kekerasan.”⁵⁰

⁵⁰ *Al-Maqсад al-Asna*, hlm. 101.

Allah berfirman:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

Maksud: “*Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segalanya)? Sedang Ia Maha Halus urusan Pentadbiran-Nya, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya!*”

(Surah al-Mulk 67: 14)

Nama al-Latif mendidik seorang Mukmin agar sentiasa mempercayai hikmah Allah walaupun tidak memahami perjalanan takdir secara zahir. Begitu juga untuk bersikap lemah lembut terhadap hamba-hamba Allah, berlapang dada dalam dakwah kepada Allah dan membimbing ke arah kebahagiaan akhirat tanpa merendahkan, tanpa kekerasan, tanpa fanatisme dan pertikaian yang tidak perlu.

Bentuk kelembutan yang paling indah ialah menarik manusia kepada penerimaan kebenaran melalui akhlak yang mulia, perjalanan hidup yang baik dan amal soleh kerana kesannya lebih mendalam dan lebih halus daripada kata-kata yang dihias semata-mata.

32. Al-Khabir (الخبير) – Maha Sedia Mengetahui

Nama al-Khabir menunjukkan bahawa Allah Maha Mengetahui secara mendalam terhadap segala sesuatu, termasuk hakikat, akibat dan kesudahan sesuatu perkara. Ilmu Allah tidak hanya pada pengetahuan zahir, namun ia juga meliputi rahsia di sebalik, niat yang disimpan mahupun natijah yang bakal terjadi.

Menurut al-Khattabi, al-Khabir ialah Yang Maha Mengetahui hakikat sebenar sesuatu, Maha Menyelami inti dan realitinya yang paling dalam.⁵¹

Allah berfirman:

وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya: “Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan ...”

(Surah al-Baqarah 2: 234)

Menurut Imam al-Ghazali, nama al-Khabir mendidik manusia agar menjadi orang yang peka dan berpengalaman terhadap apa yang berlaku pada alamnya (iaitu hati dan jasadnya sendiri) serta rahsia-rahsia batin yang menghuni hati seperti penipuan, pengkhianatan, kecenderungan mengejar yang bersifat segera (dunia), menyembunyikan kejahatan, menzahirkan kebaikan dan berhias dengan penampilan ikhlas sedangkan hakikatnya tidak sedemikian rupa.

Semua ini tidak diketahui kecuali oleh orang yang benar-benar berpengalaman, yang telah mengenal dirinya, melatih dan mengujinya, menyedari helah, tipu daya dan muslihat nafsunya, lalu berwaspada, bersungguh-sungguh memeranginya dan mengambil langkah berjaga-jaga daripadanya.⁵²

⁵¹ Sya'n ad-Du'a', jil. 1, hlm. 63.

⁵² Al-Maqsad al-Asna, hlm. 103

33. Al-Halim (الحليم) – Maha Penyantun dan Penyabar

Nama al-Halim menunjukkan kesabaran Allah yang luar biasa dalam menanggukuhkan hukuman walaupun hamba-hamba-Nya melakukan dosa dan keingkaran. Allah tidak tergesa-gesa menghukum, sebaliknya memberi peluang untuk bertaubat dan kembali.

Begitulah sebagaimana penjelasan al-Khattabi, al-Halim ialah Yang Maha Pemaaf, Maha Penyantun dan Maha Penyabar. Dia tidak diprovokasi oleh kemarahan, tidak dipengaruhi oleh kejahilan orang jahil, tidak pula tergesa-gesa kerana maksiat orang yang bermaksiat. Dia juga Yang Maha Tenang dan Tidak Terburu-buru, tidak menyegerakan hukuman.⁵³

Kata Imam al-Ghazali, *“Al-Halim ialah Yang melihat kemaksiatan para pendosa dan menyaksikan pelanggaran terhadap perintah-Nya, namun tidak dibangkitkan oleh kemarahan, tidak dikuasai oleh rasa geram dan tidak terdorong untuk segera membalas dendam, meskipun Dia memiliki kekuasaan yang sempurna.”*⁵⁴

Allah berfirman:

وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ

Maksudnya: *“Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar.”*

(Surah al-Baqarah 2: 235)

Nama al-Halim mendidik manusia agar bersabar, tidak gopoh dalam menghukum dan memberi ruang taubat kepada orang lain. Sifat santun dan menahan diri termasuk dalam akhlak yang terpuji bagi manusia.

⁵³ Sya'n ad-Du'a', jil. 1, hlm. 63.

⁵⁴ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 53.

BAHAGIAN C: SENARAI RUJUKAN

Abd al-Razzaq al-Badr, *Fiqh al-Asma' wa al-Husna*.

Abu Abdillah al-Qurtubi, *Al-Asna fi Syarh Asma' Allah al-Husna wa Sifatih*.

Abu Hamid al-Ghazali, *Al-Maqсад al-Asna fi Syarh Ma'ani Asma' al-Husna*.

Abu Sulaiman al-Khattabi, *Sya'n ad-Du'a'*.

Ibn al-Athir, *An-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*.

Muhammad Abdul Fattah Ismail, *Bayan Ma'ani Asma' Allah al-Husna*.

Umar Sulaiman al-Asyqar, *Asma' Allah al-Husna*.

Yusuf al-Qaradawi, *Asma' Allah al-Husna*.